



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DENDA RM7.7 JUTA JIKA TANAM POKOK GUARANA BRAZIL, HM -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2. 3. 4.	TIADA LAPORAN ASF DI SELANGOR, NEGERI SELANGOR, SH -23 JANGKITAN ASF: 273 BABI DILUPUS, LOKAL, HM -7 PENTERNAK BABI DEGIL, INGKAR ARAHAN TUTUP LADANG TERNAKAN TANPA LESEN, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6.	RAMADHAN BAZAAR ENABLES UMS STUDENTS TO GAIN BUSINESS EXPERIENCE, BORNEO POST (KK) -ONLINE UMS KEMBALI LANCARKAN PROGRAM BAZAR RAMADHAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	SYOR GUNA GLC SEBAGAI INTEGRATOR, LOKAL, HM -7 PELADANG AYAM KENA KOMPAUN RM30k, LOKAL, HM -7 KAMBING 'BERNAMA' BAWA TUAH, DALAM NEGERI, UM -32 PERMINTAAN KAMBING KURANG, DALAM NEGERI, UM -30 DILEMA BAKAL PESARA TENTERA, APA KHABAR RAKYAT, SH -22 WAJAR BERI TANAH TERBIAR UNTUK DIUSAHAKAN SEBAGAI KAWASAN PERTANIAN, APA KHABAR RAKYAT, SH -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Denda RM7.7 juta jika tanam pokok Guarana Brazil



Pokok Guarana berasal dari Amazon yang dilarang ditanam di negara ini.

Kuala Lumpur: Individu atau pihak di negara ini yang sengaja menanam pokok Guarana berasal dari Brazil boleh dikenakan penalti sehingga R\$10 juta Real Brazil (RM 7.7 juta).

Jabatan Pertanian Malaysia Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataannya tadi memaklumkan, larangan itu adalah termaktub di bawah undang-undang Brazil (Access and

Benefits Sharing of Genetic Resources and Associated Traditional Knowledge).

Menurutnya, kerajaan Malaysia, jabatan, agensi, mana-mana syarikat atau individu yang menanam guarana adalah berisiko dikenakan

tindakan perundangan oleh Kerajaan Brazil sekiranya tanaman ini dibiakkan atau dikomersialkan daripada biji benih yang dibawa masuk secara tidak sah.

"Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan amaran, sita dan penalti sehingga R\$10 juta Real Brazil (RM 7.7 juta).

"Ketika ini Jabatan Pertanian Malaysia sudah dimaklumkan oleh

Ministry of Agriculture Livestock and Food Supply (MAPA) Brazil, melalui surat OFÍCIONº5/2020/DSV/SDA/MAPA bertarikh 8 Januari 2020 bahawa negara Brazil hanya membenarkan pekeksportan buah guarana bagi tujuan pemprosesan dan makanan manusia sahaja.

"Berdasarkan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, pengimportan tumbuhan dari negara berisiko tinggi yang endemik kepada penyakit South American Leaf Blight (SALB) iaitu oleh kulat *Microcyclus ulei* kepada tanaman Hevea adalah dilarang, kecuali bagi tujuan penyelidikan," katanya kenyataan itu.

Guarana atau nama saintifiknya *Paullinia cupana* adalah tanaman herba semulajadi di Lembah Amazon terutamanya di Brazil.

Lembah Amazon juga adalah kawasan penanaman getah dengan insiden

serangan penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (South American Leaf Blight, SALB) yang amat tinggi.

Spora SALB yang menjangkiti tanaman getah akan menyebabkan

pertumbuhan pokok getah terbantut dan tidak dapat mengeluarkan hasil yang produktif.

Kedadaan ini boleh melumpuhkan industri getah negara yang bernilai lebih RM18 bilion setahun.

Penyakit ini mengakibatkan kegagalan industri getah di negara Brazil dan negara-negara SALB yang lain seperti Colombia, Costa Rica, Surinam dan Panama.

"Berikutan larangan pengimportan guarana bagi tujuan penanaman oleh negara Brazil dan impak negatifnya kepada industri getah negara, Jabatan Pertanian tidak pernah membenarkan petani atau usahawan melaksanakan projek penanaman guarana untuk dikomersialkan di negara ini.

"Ini adalah kerana sumber benih guarana yang dibawa masuk ke dalam negara ini secara haram untuk dikomersialkan adalah tidak sah

dari sudut perundangan negara berdasarkan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

"Penanaman guarana di Malaysia adalah berisiko membawa penyakit baharu lain seperti *Colletotrichum guaranicola* yang hanya dilaporkan menyerang spesies guarana. Maklumat mengenai penyakit *C. guaranicola* adalah terhad dan akan menyukarkan kawalan dilakukan sekiranya serangan berlaku di Malaysia.

"Selain itu, biji guarana yang sudah matang perlu diproses sebelum ekstrak guarana dapat digunakan bagi tujuan komersil. Ini menunjukkan keperluan untuk penyediaan industri hiliran bagi pemprosesan guarana

dan mendatangkan masalah kepada petani atau usahawan untuk menjual hasil tanaman selepas dituai sekiranya tiada pusat pemprosesan," kata kenyataan itu tadi.

Sebelum ini tular dakwaan benih pokok ini dijual pada harga RM50 cuba diedarkan kepada petani di Sabah.

Tiada laporan ASF di Selangor

SHAH ALAM - Tiada pengesanan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) dilaporkan di Selangor setakat ini.

E x c o Infrastruktur dan Kemudahan Awam, **P e m o d e n a n** Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izhah Hashim berkata, sebanyak 118 ladang babi berdaftar di Selangor.

Menurutnya, kerajaan negeri meningkatkan sistem biosekuriti di sempadan Selangor dengan Negeri Sembilan sebagai langkah pencegahan.

“Ta susulan pengesanan penyakit ASF di sebuah ladang haram di Site A, Port Dickson oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) di negeri tersebut pada 8 April lalu,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada 9 April lalu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir memberitahu, pengesanan penyakit itu diperoleh hasil pengesanan sampel ke



IZHAM

atas dua ekor daripada 275 ekor babi di ladang tidak berlesen tersebut.

Bakri memberitahu, jangkitan itu berkemungkinan susulan kemasukan haiwan itu dari Perak namun siasatan masih dijalankan.

Mengulas lanjut, Izhah berkata, tiada sekatan ke atas kemasukan haiwan ternakan itu dari Perak ke Rawang bagi tujuan sembelihan.

“Ini kerana tiga ladang di Hilir Perak dan Batang Padang, Perak yang terdapat kes ASF telah disita dan dilarang keluar dari premis untuk pelupusan,” jelasnya.

Beliau turut menasihatkan penternak agar memantau terfakan babi mereka dengan lebih rapi.

“Elakkan pergerakan keluar masuk dari tempat lain tanpa permit Jabatan Perkhidmatan Veterinar supaya penyebaran penyakit ini dapat dikekang dan dihentikan.

“Jika ada sebarang isu atau suspek kes, segera hubungi jabatan berkenaan,” katanya.

ISU HARGA AYAM

Syor guna GLC sebagai integrator

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, kerajaan digesa menggunakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai integrator ternakan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Selangor Idrus Zainal Abidin berkata, hanya terdapat beberapa integrator atau pengeluar ayam berskala besar di Malaysia, sekali gus menjadikan sektor berkenaan tidak kompetitif.

Menurutnya, kebanyakan penternak di negara ini berskala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

Katanya, integrator membekalkan anak ayam pada harga antara RM1.80 hingga RM1.90 seekor selain bahan makanan seperti dedak dan jagung termasuk vaksin.

"Apabila kerajaan menggunakan GLC seperti Felda dan Felcra sebagai integrator untuk bina ladang ayam berskala besar maka harga ayam lebih mudah dikawal."

"Kini beberapa syarikat swasta memonopoli industri ini sebagai integrator dan berkemungkinan monopoli harga berlaku seterusnya meningkatkan harga ayam



KEBANYAKAN penternak ayam di negara ini berskala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

di pasaran," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, di peringkat penternak, mereka hanya menikmati keuntungan 50 sen hingga 70 sen untuk seekor ayam bermula daripada menetas sehingga matang untuk disembelih.

Katanya, Felda dan Felcra mungkin boleh menggunakan tanah terbiar untuk dibangunkan sebagai ladang ayam berskala besar.

"Bukan saja harga boleh dikawal kerajaan, malah ia turut memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat

setempat.

"Penternak berskala kecil juga tidak bimbang apabila harga dikawal kerajaan, malah subsidi yang digunakan boleh membangunkan beberapa ladang ayam berskala besar."

"Industri ternakan ayam perlu dikawal secara terus oleh kerajaan kerana bekalan bahan mentah ini menjadi pilihan utama rakyat berikutan harga sumber protein laut meningkat maka rakyat beralih kepada ayam," katanya.

Muka depan Harian Me-

tro, baru-baru ini melaporkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mendedahkan kenaikan harga ayam tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan sudah memperuntukkan subsidi dianggarkan RM300 juta bagi menstabilkan harga bahan mentah itu.

Namun, kenaikan harga masih berlaku dan kerajaan kini dalam usaha mengesan pihak yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan segera.

Peladang ayam kena kompaun RM30k

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengenakan kompaun RM 30,000 terhadap sebuah syarikat pengeluar ayam (peladang) di Skudai, semalam.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro

berkata, tindakan itu diambil sepadan dengan anggotanya penguatkuasa KPDNHEP Johor Bahru hasil siasatan lanjut terhadap rantaian pembekalan serta pengedaran jualan ayam di negeri ini.

Katanya, hasil siasatan bermula dari tindakan rantaian pemeriksaan terhadap peruncit serta pemborong.

"KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes babit pemborong ayam di sekitar Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Kluang."

"Mereka dikenakan kompaun atas kesalahan yang sama di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu menjual melebihi harga kawalan yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Minggu lalu, Harian Metro melaporkan harga ayam segar di bandar raya ini melonjak antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram (kg) sekali gus dijual tidak mengikut harga siling RM8.90

yang ditetapkan kerajaan. Dalam pada itu, Mohd Hairul Anuar berkata, KPDNHEP Johor melakukan 3,088 pemeriksaan membabitkan 3,032 pemeriksaan di peringkat peruncit dan 46 pemeriksaan di peringkat pemborong selain 10 pemeriksaan di peringkat peladang.

Katanya, pemeriksaan itu berdasarkan rekod daripada tempoh kuat kuasa Penentuan Harga Maksimum (PHM) bagi Ayam & Telur yang bermula sejak 5 Februari lalu.

"Sebanyak 94 kes dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM89,700."

"KPDNHEP Johor mengambil serius mengenai isu harga ayam dan ingin menasihatkan peniaga khususnya di Johor supaya mematuhi segala undang-undang perniagaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dalam tempoh ini."

"Tindakan tegas akan diambil sekiranya mendapati peniaga yang melakukan kesalahan berkaitan bekalan dan harga. Pengguna di negeri Johor boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan salah laku peniaga kepada Kementerian," katanya.

"**KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes terhadap pemborong ayam**"
Mohd Hairul Anuar Bohro

Port Dickson: Tinda lagi tolak ansur apabila 273 babi di sebuah ladang ternakan haram di Kampung Baru Site A, Tanah Merah di sini, akan dilupuskan susulan kes jangkitan Demam Babi Afrika (ASF).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan Datuk Bakri Sawir berkata, pelupusan itu akan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) di ladang berkenaan sebelum bangkai babi itu ditanam di satu lokasi lain sudah dikenal pasti.

Katanya, lubang yang disarankan akan digali di lokasi sejauh enam kilometer daripada ladang yang sedia ada.

"Kita akan tanam di tempat yang sudah ditetapkan dan akan menggali lubang

Jangkitan ASF: 273 babi dilupus



Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka dan Perak susulan kes jangkitan serupa"

Bakri Sawir

yang mempunyai kedalaman 40 kaki bagi mengelakkan ia berbau serta mengandungi pencemaran lain.

"Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka

dan Perak susulan kes jangkitan serupa," katanya semalam.

Katanya, tiada sebarang pampasan diberi memandangkan ladang babi itu beroperasi tanpa lesen.

Sementara itu, katanya, tindakan undang-undang turut akan diambil terhadap pengusaha ternakan babi tanpa lesen.

Berkenaan 19 pemilik ladang babi lain di kawasan berhampiran, Bakri berkata, mereka diminta memaklumkan kepada Jabatan Veterinar jika terdapat simptom jangkitan ASF.

"Ini kerana kebolehan jangkitannya sangat tinggi. Sebelum ini mereka (pemilik ladang) pernah dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen."

"Terbaru, tiga ladang ternakan babi ini sudah dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 atas kesalahan menternak tanpa lesen," katanya sambil ditemani Pengarah Veterinar negeri, Dr Redzuan Ibrahim.

Bakri berkata, operasi pelupusan dijangka akan dilakukan pada pagi ini.

"Teknik pelupusan amat teknikal dan kita akan pastikan ia dapat dilakukan dengan berkesan dan ia perlu dilakukan untuk kebaikan semua pihak."

"Kos pelupusan belum dapat dipastikan dan kos akan ditanggung veterinar negeri. Seramai 43 kakitangan Veterinar negeri terlibat dalam operasi itu," ujarnya.



AZROY Abdul Manaf menunjukkan seekor anak kambing bernama Zuhaily yang terkenal dalam kalangan pengikutnya di media sosial ketika ditemubual di Kandang Temasik Agro Batu 9, Kampung Sungai Salak Tambahan, Gombak, Selangor, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Kambing 'bernama' bawa tuah

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamula.com.my

GOMBAK: Damia, Kamaruddin, Sumaiyah, Mikayla, Daniel dan Aiman.

Demikian antara nama 'anak-anak' yang dimiliki Azroy Abdul Manaf, 38, di sebuah ladang ternakan di Temasik Agro dekat Batu 9 di sini.

Bagaimanapun, nama-nama yang sering 'dijeritnya' itu bukanlah nama kanak-kanak, tetapi sebilangan kambing yang dibelanya dan sentiasa menjadi bahan hiburan warganet di aplikasi TikTok, menggunakan nama akaun @kambingyanganeh.

Kisah si gangster Kamaruddin 'kaki langgar' dan 'membuli' Mikayla melalui video ringkas di TikTok antara yang mencuri perhatian, selinggakan ramai yang sentiasa menunggu-nunggu apakah cerita menarik yang akan Azroy ceritakan mengenai perangai kambing peliharaannya itu.

Begitu juga kisah di Daniel 'test vocal' (uji suara) yang Azroy label sebagai 'bunyi seburuk rupa' membuatkan sesapa yang menonton video itu ketawa berdekah-dekah.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia* di ladang ternakannya baru-baru ini, Azroy memberitahu, impak daripada kambing-kambingnya yang diberikan nama

dan tular dalam lama media sosial, perniagaannya menghadapi perubahan 'luar biasa'.

"Permintaan meningkat dengan drastik hingga kandang saya berkembang pesat," katanya.

Azroy berkata, dia tidak menyangka hobinya dahulu membela kambing untuk mengisi masa lapang, kini menjadi titik permulaan kejayaannya sebagai penternak di era teknologi ini.

"Saya dahulu bekerja sebagai pegawai pemasaran di syarikat permotoran selama 12 tahun, dalam waktu sama saya mempunyai hobi membela kambing sekadar untuk mengisi masa lapang dan melepaskan tekanan selepas penat bekerja.

"Sabari hari haiwan ternakan semakin bertambah, jadi saya putuskan dari sekadar hobi berubah menjadi kerjaya selepas masa sejak 2017 dan meninggalkan industri sebelum ini untuk beri fokus sepenuhnya kepada kerjaya sekarang," katanya.

Menurutnya, selepas video kambingnya yang diberi nama 'Kamaruddin' tular di laman sosial TikTok sehingga menerima lebih 348,900 pengikut selepas haiwan berkenaan menjadi watak utama digemari pengguna aplikasi tersebut.

"Alhamdulillah selepas tularnya video awal mengenai kam-

bing yang menjadi watak utama di sini iaitu 'Kamaruddin', ladang saya semakin dikenali, jadi permintaan kambing meningkat dengan drastik.

"Kambing-kambing 'bernama' ini sememangnya membawa tuah kepada saya. Kalau dahulu permintaan kambing saya hanya untuk program akikah dan katering tetapi semenjak tular permintaan meningkat, malah ada yang tempah untuk buat makan-makan, penternak lain beli sebagai bekalan mereka, malah ada ingin menjadikan haiwan belahan," jelasnya.

Menurut Azroy, kambing bernama 'Kamaruddin' itu mempunyai keunikan tersendiri apabila tidak mahu memakan makanan kambing seperti ternakannya yang lain tetapi mahu makan makanan manusia.

"Kamaruddin ini unik sedikit, dia tak mahu makan makanan kambing macam kawan-kawan dia, nak makan makanan seperti roti, kuih dan sebagainya. Untuk satu hari, sebanyak empat bungkusan roti untuk dia sahaja," katanya.

Bermula dengan dua ekor kambing, kini di ladang temak Temasik Agro mempunyai lebih 200 ekor haiwan tersebut malah turut memelihara lembu 30 ekor, ayam dan juga angsa yang diuruskan oleh dua pekerja.

Penternak babi degil, ingkar arahan tutup ladang ternakan tanpa lesen

SEREMBAN: Degil, itu perkataan yang sesuai dikaitkan dalam kes penularan wabak Demam Babi Afrika (ASF) yang berlaku di ladang tidak berlesen di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson.

Apa tidaknya, walaupun notis telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan kepada penternak dengan melarang ladang-ladang itu daripada terus beroperasi, namun mereka tetap berdegil.

Keras kepala mereka itu memakan diri selepas terpaksa menanggung kerugian apabila ternakan babi yang diusahakan perlu dimusnahkan akibat wabak ASF.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah JPV Negeri Sembilan, Dr. Redzuan Ibrahim berkata, terdapat 19 buah ladang ternakan babi tidak berlesen yang dianggarkan mempunyai 2,000 ekor babi dikesan terletak berhampiran dengan sebuah ladang yang kini disahkan mempunyai kesangkitan wabak ASF.

"Tiap-tiap tahun kami beri amaran dan keluarkan saman kepada mereka sebab memelihara tanpa lesen dan keberanian daripada pihak kami. Kami sudah beri nasihat banyak kali untuk penternak untuk tutup dan hentikan aktiviti ternakan tetapi mereka tidak mendengarnya.

"Apabila tidak berlesen, ladang-ladang ini tidak dipantau daripada aspek biosekuriti, kawalan penyakit, vaksin, ubat-ubat digunakan, makanan yang diberikan selain kesihatan ternakan yang

dibawa masuk ke dalam ladang.

"Tu yang terjadi ketika ini, apabila tidak dipantau, penternak membawa masuk babi dari luar, babi tersebut sakit dan menjangkiti babi lain," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini media melaporkan, Negeri Sembilan mencatatkan kesangkitan wabak ASF apabila ia sah dilaporkan berlaku di sebuah ladang ternakan babi tanpa lesen di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson. Ia dipercayai berpunca daripada babi yang dibawa dari Perak.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, kesemua 273 ekor babi yang dijangkiti wabak ASF di ladang berkenaan akan dilupuskan hari ini (13 April).

Kata beliau, pelupusan haiwan tersebut akan menggunakan kaedah sama yang digunakan ketika proses pelupusan babi yang dijangkiti wabak tersebut di Melaka dan Perak sebelum ini iaitu menggunakan gas karbon dioksida berkepekatan tinggi.

Bakri dalam sidang akhbar sebelum ini berkata, beliau sendiri pernah turun padang ke ladang ternakan babi yang tidak berlesen dan memberi notis kepada ladang haram tersebut.

"Saya sendiri turun padang melihat ladang dan ada kala pemilik ladang tersebut tidak ada di situ. Bagaimanapun, pihak JPV telah menghantar notis namun, mereka masih degil dan gagal mematuhi arahan," ujarnya.



KAKITANGAN JPVNS mengawal sebuah ladang babi yang dijangkiti wabak ASF di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI



13 APR, 2022

Ramadan Bazaar enables UMS students to gain business experience

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2



Taufiq (second from right) distributing a basket containing bubur lambuk, fruits and kurma to one of the patrons at the bazaar.

Ramadan Bazaar enables UMS students to gain business experience

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2022 Ramadan Bazaar programme is a platform that enables students to gain experience in running a business and generate an income.

UMS vice chancellor Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin said that the programme will also help students gain skills in business.

"This programme is in line with UMS effort to inculcate skills to students and prepare them for the work environment once they conclude their education," he said.

"We also want to see our students to be not just employees for other people but also

employers in the future," he added.

Taufiq said this when met after launching the programme here yesterday.

The programme will be carried out during the fasting month and is co-organized by the Career and Students Entrepreneurial Development Centre UMS and the Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA) Sabah.

Meanwhile, Sabah FAMA director Ribin Wahid said that the combination of entrepreneurs and students in the programme was hoped to be able to inculcate an entrepreneurial community

among the students of UMS.

"We also hope that programmes such as this can be continued through collaborations with UMS and increase agro-food entrepreneurs.

"FAMA has been working with UMS since 2016 through the Pasar Tani My Best Buy programme which has been renamed as Tamu Uptown@MyRakyat programme which began running since March 17," he said.

A total of 28 operators consisting of students and UMS alumni as well as outside operators were involved in the bazaar.



13 APR, 2022

Ramadan Bazaar enables UMS students to gain business experience

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Taufiq (second from right) distributing a basket containing bubur lambuk, fruits and kurma to one of the patrons at the bazaar.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2022 Ramadan Bazaar programme is a platform that enables students to gain experience in running a business and generate an income. UMS vice chancellor Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin said the programme will also help students gain skills in business.



13 APR, 2022

UMS kembali lancarkan Program Bazar Ramadan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

UMS kembali lancarkan Program Bazar Ramadan

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kembali melancarkan Program Bazar Ramadan yang melibatkan seramai 28 usahawan selepas dua tahun tidak dilaksanakan berikutan pandemik COVID-19.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, usahawan yang terlibat terdiri daripada pelajar UMS, peniaga luar serta alumni UMS.

Katanya, pelaksanaan bazar Ramadan itu turut mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sabah, Kelab Keusahawanan, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS.

Menurutnya, melalui kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak, diharap bazar berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Ia seterusnya mengukuhkan lagi jalinan kerjasama pihak UMS dengan industri khususnya yang terdapat di Sabah.

"Saya percaya melalui bazar ini, ia memudahkan pengunjug yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UMS untuk mendapatkan pelbagai jenis juaah terbuka puasa yang murah dan dekat dengan tempat kerja," katanya pada



BUBUR: Acara menggaul bubur lambuk selepas majlis perasmian yang dilancarkan oleh Taufiq (tengah).

majlis perasmian Program Bazar Ramadan UMS 2022 di sini Isnin lepas.

Beliau berkata, Program Bazar Ramadan adalah satu platform 'Learn and Earn' khususnya untuk pelajar UMS dalam menimba pengalaman keusahawanan serta menjana pendapatan melalui perniagaan.

Pihaknya juga berbangga kerana ada pelajar UMS yang diambil bekerja oleh peniaga luar melalui penyertaan di bazar berkenaan.

"Ini adalah peluang kepada pelajar UMS untuk mengenali di sebalik tabir

perniagaan kecil-kecilan, dan kaedah seperti ini dapat membuka minda keusahawanan pelajar.

"Pada masa sama, menerusi program ini juga ia mendekatkan pelajar dengan keusahawanan khususnya perniagaan," jelasnya.

Taufiq berkata, selain berpeluang untuk menimba pengalaman berniaga dan menjana pendapatan, para pelajar dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan rangkaian dengan komuniti usahawan luar dari UMS.

Sehubungan itu katanya, bazar Ramadan sebenarnya

melatih pelajar dari segi pengurusan organisasi, komunikasi yang berkesan dan pengurusan sendiri agar lebih bersedia untuk lahir sebagai seorang usahawan yang memiliki minda keusahawanan yang cemerlang dalam perniagaan kelak.

Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Sabah Rihin Wahid; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin dan Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan UMS Dr. Soon Singh Bikar Singh.



13 APR, 2022

UMS kembali lancarkan Program Bazar Ramadan

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kembali melancarkan Program Bazar Ramadan yang melibatkan seramai 28 usahawan selepas dua tahun tidak dilaksanakan berikutan pandemik COVID-19. Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, usahawan yang terlibat terdiri daripada pelajar UMS, peniaga luar serta alumni UMS. Katanya, pelaksanaan bazar Ramadan itu turut mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sabah Kelab Keusahawanan, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS.

Permintaan kambing kurang

JERANTUT: Harga kambing semakin meningkat membuatkan permintaan terhadap daging haiwan ternakan itu semakin berkurangan, Ramadan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penternak kambing di Felda Padang Piol, Zulaikha Ramli, 39, berkata, harga seekor kambing dijual mengikut timbangan yang dianggarkan sekitar RM35 sekilogram pada ketika ini berbanding RM28 sebelum ini.

Katanya, disebabkan harga yang semakin mahal menyebabkan pembeli berkira-kira hendak membeli sekali gus menyebabkan jualan kambing pada bulan puasa tahun ini merosot berbanding sebelumnya.

“Jika dulu, ketika hendak menyambut Ramadan, sekitar lima ekor kambing berjaya dijual, namun tahun ini hanya dua ekor,” katanya di sini semalam.

Zulaikha berkata, kenaikan harga daging kambing berkemungkinan kerana harga palet atau makanan kambing yang juga semakin meningkat.

“Boleh dikatakan setiap bulan harga makanan kambing



ZULAIKHA Ramli resah kerana permintaan terhadap kambing hidup berkurangan pada Ramadan kali ini kerana harganya yang semakin mahal. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

naik, bermula dari RM44 untuk sebungkus palet seberat 50 kilogram, kini telah mencecah RM61.

“Disebabkan itu juga kami terpaksa meningkatkan harga jualan kambing yang kebiasaannya dijual mengikut timbangan

berat iaitu RM35 sekilogram berbanding RM28 sebelum ini,” katanya.

Menurutnya, harga seekor kambing seberat 55 kilogram boleh mencecah RM1,800 yang mana ia jauh lebih mahal berbanding harga sebelum ini.

APA Khabar Rakyat kali ini menyelami dilema bakal pesara tentera yang menceburi kursus bidang pertanian namun ketiadaan tanah menyebabkan usaha mereka dilihat akan terbiar.

Kebanyakan doripada mereka berharap agar kerajaan dapat menyediakan tanah pertanian untuk diusahakan.

Ikuti temu bual warilawan **Sinar Harian, SAIFULLAH AHMAD** bersama bakal pesara tentera di Perak.

Sukar teruskan kerjaya sebagai usahawan tani kerana ketiadaan tanah untuk diusahakan

Bidang pertanian merupakan sektor penting dalam usaha memastikan negara mempunyai jaminan bekalan makanan mencukupi.

Pelbagai peringkat usia mula terlibat dalam sektor pertanian ketika ini termasuklah golongan

muda dan bekas tentera yang baru menamatkan perkhidmatan mereka.

Malah, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada milik kerajaan dan swasta turut menawarkan kursus dalam bidang pertanian kerana dilihat mempunyai masa depan yang cerah.

Namun, dilema yang dihadapi oleh graduan atau pelatih ini adalah kesukaran meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan tani memandangkan kebanyakan mereka tidak memiliki tanah sendiri.

Itu juga yang dihadapi oleh bakal-bakal pesara tentera untuk meneruskan hasrat mereka menceburi bidang pertanian selepas tamat mengikuti latihan menjelang persaraan.

Bagi Sarjan Mejar (B) Baharudin Awang Hamat, 44, pejuang mengikuti latihan kemahiran pertanian merupakan sesuatu yang sangat baik sebagai persediaan selepas bersara.

"Tetapi masalah yang kita



BAHARUDIN



MUHAMAD OTHMAN



MOHD RASUL



Antara bakal pesara tentera yang mengikuti kursus pertanian sebagai persediaan melangkah ke alam persaraan nanti.

hadapi kebanyakan pesara ini tidak mempunyai tanah sendiri untuk diusahakan selepas tamat mengikuti kursus," katanya.

Dia kini yang sedang mengikuti program Perkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah Kementerian Sumber Manusia mengakui sangat berminat dengan bidang pertanian tetapi kesukaran mendapatkan tanah untuk diusahakan merencatkan usaha meneruskan hidup selepas bersara.

Perkara sama turut diakui Leftenan Komander (B) Mohd Rasul Saad, 39, apabila kebanyakan bekas tentera tidak memiliki tanah sendiri untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian.

"Ramai dalam kalangan bekas tentera yang bukan berasal dari Perak tetapi memandangkan telah berkhidmat lama di negeri

ini, mereka terus menetap di sini.

"Jadi sudah tentulah mereka tidak mempunyai tanah sendiri untuk diusahakan," katanya.

Dia yang mengikuti Kursus Tanaman Fertigasi dan Makanan di Institut Agro Usahawan (IGROW) di Kampung Gajah, Pasir Salak berkata, amat wajar jika kerajaan dapat membantu menyediakan peluang kepada bekas tentera yang mahu menceburi bidang pertanian.

"Minat dan kemahiran bekas tentera dalam bidang pertanian perlu disokong dengan memberikan kemudahan untuk mereka terus menceburi sektor tersebut selepas tamat latihan," katanya yang berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Sementara itu, Pegawai Program Reskilling Upskilling Veteran (PRUV) Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) Perak, Leftenan (B)

Muhamad Othman berkata, pihaknya merintis usaha dengan memulih lapan bakal pesara berusia 45 tahun ke bawah daripada ketiga-tiga angkatan iaitu Tentera Darat, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan TLDM bagi mengikuti kursus pertanian di IGROW.

Menurutnya, inisiatif itu dilakukan sebagai menyokong dasar baharu untuk mewujudkan Briged Tani yang terdiri daripada bekas-bekas tentera.

"Program kemahiran seperti ini mampu meningkatkan pendapatan veteran tentera selepas mereka bersara, sekali gus memastikan golongan ini tidak berada dalam kumpulan asnaf."

"Cumanya kita harap kerajaan dapat berikan sokongan dengan menyediakan tanah pertanian untuk diusahakan sama ada secara individu atau berkelompok," katanya.



Mohd Rasul sedang mengikuti Kursus Tanaman Fertigasi dan Makanan di IGROW di Kampung Gajah, Pasir Salak.

Wajar beri tanah terbiar untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian



AMINUDDIN

IPOH - Persatuan Veteran Angkatan Tentera (PVATM) Perak mengakui keperluan untuk kerajaan menyediakan tanah pertanian untuk bekas tentera.

Yang Dipertua PVATM Perak, Leftenan Kolonel (B) Aminuddin Ab Karim berkata, pihaknya menyambut baik usaha dilakukan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat)

dengan menyediakan latihan pertanian kepada bekas tentera.

Beliau berkata, walaupun diakui terdapat bantuan daripada kerajaan, mungkin penganugerahan tanah bagi tujuan pertanian dapat diperluaskan lagi kepada bekas-bekas tentera.

"Kita sangat mengalu-alukan usaha ini untuk membantu bekas tentera meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian, sekali gus meningkatkan pendapatan.

"Amat wajar jika terdapat tanah terbiar yang boleh diusahakan bagi tujuan pertanian diberikan kepada bekas-bekas tentera yang berminat dan ada kemahiran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Aminuddin berkata, setakat ini tiada lagi kawasan tanaman berskala besar yang diusahakan veteran tentera secara berkelompok.

Menurutnya, beberapa bekas tentera yang menjalankan pertanian secara individu menyewa tanah

persendirian atau mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) daripada pejabat daerah dan tanah.

Tambah beliau, kerajaan negeri khususnya memberi bantuan kepada bekas-bekas tentera berkenaan mengusahakan pertanian melalui agensi berkaitan.

"Penglibatan bekas tentera dalam bidang pertanian diharap mampu membantu negara meningkatkan hasil bekalan makanan," katanya.